

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 NOVEMBER 2016

# Najib tinjau transformasi kota industri Gu'an

UM - 3/11/2016

**BEIJING 2 November** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyaksikan bagaimana China mentransformasikan Gu'an, sebuah daerah pertanian yang terletak kira-kira 50 kilometer ke selatan Beijing, menjadi sebuah kota perindustrian yang berkembang berasaskan inovasi.

Bandar industri itu suatu ketika dahulu pada tahun 1980-an hanya sebuah daerah yang suram, tetapi kini menjadi taman perindustrian mega China yang menempatkan pembangunan urban yang berintegrasi, pejabat yang trendy, kilang berteknologi tinggi, persekitaran lestari, taman yang indah dan apartmen-apartmen ultra moden yang fungsional.

Ketibaan Najib pagi ini di Pusat Pameran Gu'an disambut oleh Presiden Antarabangsa China Fortune Land Development Co Ltd (CFLD), Jerry Zhao.

Beliau yang dalam rangka lawatan rasmi seminggu ke China meluangkan masa hampir dua jam di Gu'an New Industrial City.

Menurut salah seorang pegawai CFLD, Najib merupakan ketua kerajaan asing yang pertama melawat bandar industri itu yang kini



**Baharom Mahusin**

Melaporkan dari BEIJING, CHINA

mempunyai penduduk seramai 490,000 orang tetapi berupaya menampung populasi sehingga satu juta orang.

Najib dalam entri Facebook miliknya petang ini turut menyentuh mengenai lawatannya ke Gu'an.

Katanya, Gu'an merupakan bandar industri baharu yang mempamerkan pembangunan industri pada masa depan.

Perdana Menteri memberitahu, Gu'an memiliki ciri-ciri holistik, kreatif, inovatif dan dinamik.

"Pendekatan pembangunan holistik adalah daripada industri untuk perancangan bandar telah dilakukan dengan pelbagai usaha bagi memenuhi keperluan untuk rakyat Gu'an. Tiada siapa yang ketinggalan di belakang.

"Ini adalah harapan saya untuk menyaksikan kemajuan pembangunan Malaysia dengan dinamik," katanya.

Gu'an dimajukan oleh CFLD sejak 2002 sebagai hab pema-

ngunan industri yang berfokuskan kepada lima kelompok industri.

Kelompok berkenaan melibatkan aeroangkasa, bioperubatan, perkilangan perkakasan mewah, e-dagang dan industri perkhidmatan moden.

Perdana Menteri yang kelihatan terpesona dengan inovasi di bandar industri itu diberitahu bahawa inisiatif PPP, singkatan kepada Public Private Partnership, adalah tunjang kepada perkembangan Gu'an sebagai kota industri. Modal awal untuk memulakan Gu'an New Industry City pada tahun 2002 ialah sebanyak AS\$4.9 bilion (RM20 bilion).

Gu'an kini dianggap satu tanda aras baharu kota industri masa depan dan diakui sebagai sebuah model urbanisasi bestari yang berjaya.

Di pusat pameran Gu'an New Technology City, Najib juga meninjau teknologi paparan AMOLED generasi keenam, iaitu teknologi yang dibangunkan oleh CFLD dengan kerjasama Tsinghua Visionox dan Govisionox Optoelectronics Co Ltd (GVO). Paparan skrin AMOLED adalah antara yang paling nipis di dunia.

Pada Jun lepas, CFLD memeterai kerjasama menyeluruh de-

ngan pasukan Tsinghua OLED dan Visionox untuk bersama-sama mempromosikan teknologi industri bebas, AMOLED.

Projek OLED merupakan usaha utama pertama syarikat itu di peringkat antarabangsa dalam teknologi paparan baharu, dengan jumlah pelaburan sebanyak AS\$4.4 bilion (RM18.4 bilion), termasuk AS\$4.2 bilion (RM17.6 bilion) untuk barisan pengeluaran manakala AS\$221 juta (RM926 juta) lagi untuk pusat R&D paparan generasi akan datang.

Najib juga mengunjungi Pusat Pengisian JD E-Commerce Park Gu'an yang mampu menyusun tempahan kiriman JD.com sebanyak 300,000 unit sehari, dengan tempoh untuk kiriman sampai ke destinasi hanya dalam tiga jam.

Berorientasikan e-dagang, JD E-Commerce mengendalikan tempahan untuk Tianjin, Hebei, Shandong, Shanxi dan pedalaman Mongolia, dan memproses satu pertiga daripada tempahan harian di utara China.

Pusat itu juga memproses kira-kira 15 peratus daripada kesemua tempahan yang diproses di China, iaitu sebanyak 120 juta tempahan elektronik setiap tahun. - UTUSAN